

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPATBELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG

TARIKH : 3 DISEMBER 2019

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan Kerajaan dan berapa orang ditangkap dalam laporan baru-baru ini yang bertajuk "RM4,000 sekepala, pekerja Bangladesh mangsa lumayan bagi ejen" di <https://www.malaysiakini.com/news/491442> dan "Setiap hari dua pekerja Bangladesh maut di Malaysia"• di <https://www.malaysiakini.com/news/491616>. Adakah Kerajaan berhasrat menggubal akta baharu seperti Akta Penghambaan Moden (Modern Slavery Act).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Penggajian dan Penempatan Semula Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program *Rehiring* telah tamat pada 30 Jun 2018 tanpa sebarang pelanjutan. Seramai 325,905 orang PATI telah berjaya diputihkan sejak pelaksanaan Program *Rehiring* mulai 15 Februari 2016 untuk bekerja secara sah di negara ini.

Memandangkan Program *Rehiring* telah berakhir tanpa sebarang pelanjutan, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa satu isyarat tegas dan jelas hendaklah diperlihatkan kepada pihak berkaitan bahawa tiada lagi kompromi di pihak Kerajaan ke atas mana-mana PATI

dan Majikan yang ingkar dan degil dalam mematuhi undang-undang negara dengan menggaji PATI.

Kementerian juga ingin menegaskan bahawa peluang kepada Majikan untuk menggaji pekerja asing adalah terbuka luas dengan kemudahan permohonan secara dalam talian (*online*) melalui Sistem Permohonan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) yang telah diperkenalkan. Kadar bayaran juga telah diterapkan secara telus seperti levi, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya yang sentiasa dipantau oleh Kerajaan.

Oleh itu, Kementerian menasihatkan kepada Majikan-majikan agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada dalam menggaji pekerja asing tanpa penglibatan ejen-ejen haram. Pusat Kelulusan Setempat (OSC) yang menempatkan semua agensi-agensi kawal selia bersedia untuk memudahkan semua permohonan pengajian pekerja asing bagi memenuhi keperluan dan permintaan ke atas pekerja asing secara teratur.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sedang melaksanakan Program PATI Pulang Ke Negara Asal (Program *Back for Good* - B4G) bertujuan untuk memberi peluang kepada PATI yang telah melakukan kesalahan tinggal lebih masa di bawah Seksyen 15(1)(c) atau tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 untuk pulang ke negara asal secara sukarela mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Program ini dilaksanakan bermula 1 Ogos 2019 sehingga 31 Disember 2019 di Semenanjung Malaysia sahaja dan melibatkan bayaran kompaun sebanyak RM700 bagi setiap PATI yang menyertai program ini. Warga asing terlibat hendaklah membawa dokumen perjalanan yang sah (pasport dan sijil perjalanan kecemasan) serta tiket untuk pulang ke negara asal dalam tempoh 7 hari. Sekiranya mereka tidak mempunyai pasport yang sah atau langsung tidak mempunyai pasport, mereka perlu merujuk ke kedutaan masing-masing bagi mendapatkan sijil perjalanan kecemasan. Kedutaan akan mengeluarkan sijil perjalanan kecemasan untuk PATI pulang ke negara asal mereka.

SOALAN NO : 39

Program ini akan dijalankan sepenuhnya oleh JIM di Semenanjung Malaysia sahaja tanpa penglibatan pihak ketiga (vendor atau ejen). JIM telah menyediakan lebih 80 kaunter di Pejabat Imigresen seluruh Semenanjung bagi menjayakan program ini. JIM telah mengadakan sesi libat urus bersama pihak Kedutaan Asing di Malaysia pada 12 Julai 2019 mengenai program ini.

Berdasarkan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007, takrifan pemerdagangan orang merujuk kepada elemen eksploitasi termasuk segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang. Eksploitasi termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

Justeru itu, eksploitasi buruh paksa termasuk indikator keterikatan hutang boleh dikategorikan di bawah tindakan menyalahi undang-undang yang boleh disiasat dan dituduh di bawah Akta ini.